

Pusat sedia RM250 juta atasi masalah banjir di Perak

LENGGONG - Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan sejumlah RM250 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-II) untuk projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Perak Fasa 1 yang bertujuan menyediakan satu sistem saliran sempurna bagi mengatasi masalah banjir di negeri ini.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Hamim Samuri berkata, projek di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu merangkumi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Leng-



HAMIM

gong iaitu RM20 juta, RTB Sungai Siput Chandan (RM16.9 juta), RTB Kampung Gajah (RM50 juta) dan RTB Teluk Intan Fasa 2 (RM60 juta).

"Projek ini turut merangkumi dua lagi komponen iaitu 'Living River' yang melibatkan pengindahan koridor serta pengukuhan tebing sungai selain Saliran Mesra Alam Kuala Kangsar bernilai RM30 juta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat projek berkenaan khusus untuk RTB Lenggong di Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong di sini semalam.

Hadir sama Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Shamsul Anuar Nasarah; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Tampan, Datuk Saarani Mohamad dan ADUN Kenering, Datuk Mohd. Tarmizi Idris.

Masalah banjir di kawasan Parlimen Lenggong berpunca daripada limpahan Sungai Lenggong, Sungai Jepai dan Sungai Temelong ekoran mendapan pasir dan tanah dari kawasan tadahan sehingga menyebabkan sungai menjadi cetek.

Pembukaan kawasan tadahan melalui aktiviti pembalakan, penempatan baharu penduduk, ladang ternak dan pertanian menjadi punca kepada peningkatan kadar aliran air di sungai tersebut.